



MERCUN bukan sahaja membahayakan diri sendiri bahkan mampu merosakkan harta benda seperti rumah.



MOHD. AZMAN SYAKIR, 4 tahun hancur pergelangan tangan kirinya akibat bermain mercun jenis AP Boom di halaman rumahnya di Kampung Tanjung Sepat, Kuala Langat, Selangor 22 Jun lalu.

ANTARA mercun yang popular ialah pop-pop, gasing, lemang dan KLCC.

Bahaya mercun buatan sendiri

Bunga api dan mercun begitu sinonim pada musim perayaan di negara ini, namun golongan dewasa perlu memantau kanak-kanak selain elaklah bermain mercun buatan sendiri.

KOSMO
15/7/2015
MIS 24

SETIAP kali munculnya hari perayaan baik Tahun Baru Cina, Deepavali, Hari Merdeka mahupun Hari Raya Aidilfitri, letupan mercun di langit pada waktu malam pasti memeriahkan lagi suasana sambutan perayaan itu.

Lebih-lebih lagi, apabila terdapat pertunjukan bunga api dengan pelbagai bentuk dan warna percikan mampu membuat semua orang terpegun.

Pada musim hari raya misalnya, kanak-kanak gemar bermain bunga api dan mercun pop-pop kerana teruja melihat percikan api yang berwarna-warni dan bunyian letupan kecil.

Sungguhpun begitu, tidak semua mercun dikategorikan selamat malah bunga api yang kecil juga mampu mengundang bahaya kepada kanak-kanak jika tidak diawasi orang dewasa.

Menurut seorang penjual mercun, Gee (bukan nama sebenar), mercun mendapat sambutan memberangsangkan tatkala tiba musim-musim perayaan.

Terdapat lebih 50 jenis mercun pelbagai saiz dijual dan antara jenis-jenis mercun yang popular ialah pop-pop, gasing, bebola, lemag, KLCC, Thunder Clap dan Thunder King.

"Pembelian bergantung kepada pelanggan. Ada keluarga yang beli bunga api dan pop-pop untuk anak-anak kecil mereka kerana ia tidak begitu berbahaya.

"Bagi golongan dewasa yang sukakan cabaran lebih gemar membeli mercun lemag dan KLCC," ujarnya yang buat pertama kali melibatkan diri dalam urus niaga mercun.

Sesetengah penjual mercun mempunyai prinsip berjual beli iaitu kanak-kanak tidak dibenarkan membeli mercun berbahaya seperti



PIHAK berkuasa berjaya merampas mercun di Pahang dipercayai diseludup dari Thailand baru-baru ini.

lemang dan KLCC.

Namun begitu, anak kelahiran Ampang itu memberitahu, kes-kes seperti kanak-kanak mengalami kecederaan ketika bermain mercun adalah disebabkan kecuaiian sendiri.

"Mercun buatan sendiri memang berbahaya kerana pengguna melakukan eksperimen sendiri kononnya berlagak seperti seorang saintis.

"Mereka mencampurkan bahan-bahan letupan dengan sendirinya, maka terjadilah kemalangan seperti putus jari dan sebagainya," katanya mercun yang dibeli adalah lebih selamat jika mengikuti peraturan yang sepatutnya.

Sungguhpun begitu, mercun yang merupakan bahan letupan mengundang risiko tinggi walaupun individu mengikuti arahan seperti

yang tertera pada bungkusannya.

Hal ini kerana terdapat banyak kes letupan mercun akibat bahan-bahan tersebut disimpan di dalam rumah sama ada oleh pembekal atau pembeli.

Untung besar

Selain itu, Gee menceritakan, penglibatannya dalam urusan tersebut disebabkan oleh pujukan rakan malah mereka mengatakan perniagaan itu mengaut keuntungan besar apatah lagi pada musim perayaan.

Disebabkan permintaan yang tinggi, perniagaan mercun mampu mengaut keuntungan kasar sebanyak RM12,000 dengan menggunakan modal RM5,000.

Kebiasaannya, bekalan mercun dibeli daripada pembekal di sekitar

Pantai Timur kerana urusan pembelian mercun berlaku di Thailand.

Sementara itu, pada 1 Julai lalu, *Kosmo!* melaporkan terdapat seorang pelajar tingkatan tiga dari Sekolah Menengah Kebangsaan Wakaf Bharu, Kota Bharu, Kelantan kehilangan empat jari tangan akibat bermain mercun.

Mangsa, Muhammad Rizaimi Zamri, 15, dikatakan bermain mercun buatan sendiri bersama tiga orang rakannya pada waktu malam.

Menurut bapanya, Zamri Hasbullah, 43, mangsa dikejarakan ke Hospital Raja Perempuan Zainab II selepas mercun terbabit meletup di tangan. Berkemungkinan besar, mangsa akan kehilangan empat jarinya dan hanya jari kelingking yang terselamat.

Sementara itu, pada 2 Julai lalu, *Kosmo!* telah melaporkan Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga Pahang berjaya merampas sebanyak 1,021 kotak mercun dan bunga api yang bernilai RM20,000 di sebuah rumah di Kuantan.

Menurut Komander PPM Wilayah Tiga Pahang, Asisten Komisioner Azmi Ibrahim, bahan-bahan yang dirampas itu dipercayai diseludup dari Thailand.

"Barangan larangan itu dipercayai akan dijual pada musim-musim perayaan terutamanya sambutan hari raya ini.

"Rumah sewa dijadikan sebagai transit untuk menyimpan bekalan mercun dan bunga api itu sebelum ia dijual kepada pelanggan," katanya.